

1981

KUALA LUMPUR, 27 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI NEGARA-NEGARA ISLAM, DALAM KEINGINANNYA HENDAK MEMPRAKTIKKAN SISTEM EKONOMI ISLAM SEPENUHNYA, TIDAK BOLEH BERTINDAK SECARA MELULU SEHINGGA MELEMAHKAN KEDUDUKAN MEREKA SENDIRI.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN DALAM MEMPERJUANGKAN HASRAT ITU NEGARA-NEGARA ISLAM JUGA TIDAK MUNGKIN BOLEH MENGASINGKAN DIRI DALAM DUNIA YANG EKONOMINYA DITAKLUK OLEH BARAT.

BERUCAP MERASMIKAN KURSUS AGAMA ANJURAN BIRO AGAMA UMNO MALAYSIA DI IBUPEJABAT UMNO DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN PARTI ITU MENEKANKAN BAHAWA SEBELUM NEGARA-NEGARA ISLAM DAPAT BERPINDAH KEPADA AKTIVITI EKONOMI YANG DIIZINKAN OLEH ISLAM, MEREKA PERLU MENGUASAI SEGALA PENGETAHUAN DALAM BIDANG TERSEBUT.

KATANYA JIKA NEGARA-NEGARA ISLAM SECARA MEMBUTA-TULI CUBA MENCEBUR DIRI DALAM BIDANG YANG IA TIDAK MEMPUNYAI PENGETAHUAN YANG CUKUP, NEGARA-NEGARA ITU MUNGKIN DITIPU LAGI SEPERTIMANA MEREKA DITIPU SELAMA 100 TAHUN UNTUK MENJUAL MINYAK DENGAN HARGA YANG AMAT MURAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA +KITA BOLEH MENYALAHKAN ORANG YANG MENIPU KITA TETAPI KITA TIDAK BOLEH MELEPASKAN DIRI KITA SENDIRI DARIPADA PERBUATAN TIDAK MENGHIRAUKAN ANJURAN AGAMA ISLAM SUPAYA KITA MENUNTUT ILMU+.

--BERGAMBUNG 1122/AN

MAHATHIR-ISLAM 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA DISEBABKAN NEGARA-NEGARA ISLAM TIDAK MEMPUNYAI ILMULAH MEREKA TIDAK DAPAT MENGELUARKAN MINYAK YANG ADA DI BUMI MEREKA DAN TIDAK TAHU MENAPIS DAN MEMASARNYA.

+KERANA TIDAK ADA ILMULAH KITA TIDAK DAPAT MENGADAKAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN YANG SESUAI BAGI KEPENTINGAN KITA SENDIRI.

+KESALAHAN ADALAH PADA DIRI KITA SENDIRI, TERUTAMA MEREKA YANG SENGAJA MENGHALANG KITA MENGUASAI ILMU+, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KESAL KERANA WALAUPUN UMAT ISLAM DI SELURUH DUNIA BERJUMLAH KIRA-KIRA 900 JUTA ORANG, MEREKA MASIH MENJADI KUMPULAN MINORITI YANG LEMAH DI DUNIA.

UMAT ISLAM, KATANYA TIDAK DAPAT BERSAING JAUH SEKALI UNTUK MENANDINGI ORANG BUKAN ISLAM DALAM BIDANG EKONOMI, PENGETAHUAN, KETENTERAAN ATAU POLITIK.

KATANYA +KITA SEDAR BAHAWA SISTEM POLITIK DAN EKONOMI BARAT TELAH BERAKR-UMBI DENGAN TEGUHNYA DI DUNIA INI TETAPI SEBAGAI KUMPULAN MINORITI, MASYARAKAT ISLAM TIDAK DAPAT MEMAKSA DUNIA MENERIMA SISTEM POLITIK DAN EKONOMI ISLAM.+

---BERSAMBUNG 1125/AN

B523

MAHATHIR-ISLAM 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN SEBALIKNYA, UNTUK MENJAGA KEPENTINGAN ISLAM, ISLAM MENGIZINKAN UMATNYA MENGAMBIL TINDAKAN YANG TIDAK BERCANGGAH DENGAN AJARANNYA WALAUPUN TIDAK BERASAL DARI SISTEM ISLAM SENDIRI.

+DALAM KEADAAN DARURAT KITA DIHARUSKAN KELENTURAN YANG LEBIH LUAS LAGI+, JELASNYA.

BELIAU MENYERU UMAT ISLAM SUPAYA MEMAHAMI LATARBELAKANG ISLAM DI NEGARA INI DAN JUGA LATARBELAKANG ISLAM DALAM DUNIA MODEN SEKARANG.

KATANYA MEREKA HARUS FAHAM KERANA MEREKA BERTANGGUNG-JAWAB TERHADAP KESELAMATAN ISLAM DAN ORANG-ORANG ISLAM.

MENURUTNYA JIKA MASYARAKAT ISLAM MEMBUAT SESUATU KERANA KEANGGUHAN ATAU KERANA NAFSU ATAU MEMBIAR SESUATU YANG MERBAHAYA BERLAKU KERANA TIDAK MENGAMBILKIRA KEMAMPUAN MEREKA, MAKA MEREKALAH YANG BERSALAH DAN MERKALAH YANG SEBENARNYA MEMISAHKAN ORANG ISLAM DARIPADA AJARAN MERAKA.

+BEGITULAH JUGA MASYARAKAT ISLAM AKAN BERDOSA JIKA MEREKA MEMBIARKAN PERBUATAN MEREKA SEHINGA MENYEBABKAN ORANG-ORANG ISLAM SENDIRI TERJERAT DAN TERPAKSA TUNDUK KEPADA ORANG LAIN+, TEGASNYA.

---BERSAMBUNG 1204/AN

B524

MAHATHIR-ISLAM 4 KUALA LUMPUR

SEBELUM ITU, PENERUSI BIRO AGAMA UMNO MALAYSIA, DATUK AMAR HAJI WAN MOKHTAR AHMAD, YANG JUGA MENTERI BESAR TRENGGANU BERKATA KURSUS ITU BERTUJUAN MELENGKAPKAN PARA PEMIMPIN UMNO DI PERINGKAT BAHAGIAN UNTUK MENGHADAPI CABARAN-CABARAN MASAKINI DAN AKAN DATANG.

MENURUTNYA KRUSUS YANG SAMA JUGA AKAN DIADAKAN OLEH PERGERAKAN WANITA UMNO MALAYSIA BULAN DEPAN DAN INI AKAN DISUSULI OLEH PERGERAKAN PEMUDA UMNO.

LEBIH 250 ORANG DARI KESEMUA 114 BAHAGIAN UMNO DI SELURUH SEMENANJUNG MENYERTAI KURSUS DUA HARI ITU.

---BERNAMA 1206/AN